



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 2 Januari 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

Hapuskan bengkel sewa komponen kenderaan

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Semua bengkel yang menawarkan perkhidmatan penyewaan komponen kenderaan bagi tujuan lulus pemeriksaan perlu dibantersa sepenuhnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkembar (Puspakom), Mahmood Razak Bahman berkata, pihaknya memberi sokongan terhadap usaha Jabatan Pengangkutan Jalana (JPJ) bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) serta pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menangani kes tersebut.

Kata beliau, pemeriksaan dan pemantauan terhadap bengkel-bengkel berkenaan mampu menyelamatkan lebih banyak nyawa di atas jalan raya Malaysia.

"Operasi ini wajar disokong oleh semua rakyat Malaysia, termasuk pemilik kenderaan perdagangan, bagi memastikan keselamatan bersama di jalan raya.

"Kami berharap tindakan JPJ dan KPDN dapat menghapuskan bengkel-bengkel yang menjalankan perniagaan tidak bertanggungjawab ini," katanya dalam kenyataan.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan sindiket menyewakan tayar kepada pengusaha-pengusaha kenderaan berat seperti lori dan bas bagi

membolehkan mereka lulus pemeriksaan Puspakom semakin berleluasa.

Sindiket tersebut memperoleh keuntungan dengan menyewakan tayar kepada pengusaha dengan anggaran harga dari RM100 hingga RM300 untuk satu tayar, bagi membolehkan pemandu membawa kenderaan berat itu ke pemeriksaan Puspakom.

Perkara ini secara langsung membahayakan pengguna dan lebih 30 juta kenderaan lain yang turut berada di lebuh raya bersama-sama dengan kenderaan berat yang menipu ujian pemeriksaan Puspakom.

Susulan laporan akhbar ini, JPJ melaksanakan pemeriksaan mengejut melibatkan 25 premis Puspakom di seluruh negara.

Dalam pada itu, Mahmood berkata, tayar sebuah lori yang tercabut sehingga mengakibatkan nahas tujuh maut di Lebuhraya Utara Selatan berhampiran Ayer Keroh dipercayai berpunca daripada kerosakan pada hujung gandar hadapan kenderaan terbabit.

Katanya, kenderaan berjema-ma Foton itu sudah melakukan pemeriksaan awalan pada 28 Mac lalu dan tarikh pemeriksaan selanjutnya pada 28 Mac ini.

Kata beliau, penemuan tersebut merupakan peringatan penting kepada pemilik kenderaan perdagangan untuk memastikan kenderaan mereka diselenggara dengan baik.

Sewa tayar untuk lulus pemeriksaan Puspakom

Oleh ARIF AIMAN ASROL
aiman.asrol@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sindiket menyewakan tayar kepada pengusaha-pengusaha kenderaan berat seperti lori dan bas bagi

membolehkan mereka lulus pemeriksaan Puspakom semakin berleluasa.

Sindiket tersebut mengeluarkan komitmen dengan menyewakan tayar kepada pengusaha-pengusaha kenderaan berat dengan bayaran harga dan

biaya tambahan sepadan dengan penggunaan kenderaan berat.

Anggaran harga RM100 hingga RM300 untuk satu tayar bagi mendekati kenderaan berat yang dimaksudkan.

Sindiket tersebut mengeluarkan komitmen dengan menyewakan tayar kepada pengusaha-pengusaha kenderaan berat dengan bayaran harga dan

biaya tambahan sepadan dengan penggunaan kenderaan berat.

Bersambung di muka 2



HARI: **KHAMIS**

TARIKH: **2/1/2025**

M/SURAT: **7**

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pemeriksaan Puspakom Sdn Bhd (Puspakom) mendapati tayar sebuah lori yang terbabit dalam nahtas di Lebuhraya Utara-Selatan dekat Ayer Keroh, Melaka pada 23 Disember lalu diperlakukan tercabut akibat kerosakan pada hujung *stub axle* yang terputus di gandar hadapan.

Lori berjenama Foton diperbuat pada 2023 berkenaan juga pernah menjalani pemeriksaan awalan di Puspakom pada 28 Mac 2024 dan akan menjalani pemeriksaan selanjutnya pada 28 Mac depan.

Mengulas lanjut, Ketua Pegawai Eksekutif Puspakom Mahmood Razak Bahman menyifatkan ia sebagai peringatan penting kepada pemilik kenderaan perdagangan agar memastikan kenderaan diselenggara dengan baik mengikut jadual ditetapkan.

"Penyelenggaraan secara berkala bukan sahaja penting untuk keselamatan pemandu, tetapi juga bagi memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya," katanya.

Pada masa sama, Mahmood Razak menegaskan Puspakom komited untuk meneliti dan memperketatkan

7 TERKORBAN TAYAR LORI TER CABUT

Hujung *stub axle* terputus

tatacara operasi.

Sementara itu, beliau memaklumkan Puspakom menyokong langkah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ia bagi memeriksa dan memantau bengkel berdaftar serta tidak berlesen yang disyaki menyediakan perkhidmatan penyewaan komponen kenderaan bagi tujuan pemeriksaan di pusat pemeriksaan kenderaan.

"Operasi ini wajar disokong oleh semua rakyat Malaysia, termasuk pemilik kenderaan perdagangan bagi memastikan keselamatan bersama di jalan raya.

"Kami berharap tindakan JPJ dan KPDN dapat menghapuskan bengkel-bengkel yang menjalankan perniagaan tidak bertanggungjawab ini," katanya.

Puspakom juga menyarankan bengkel yang terlibat dalam perkhidmatan sedemikian untuk menghentikan aktiviti mereka serta merta, demi melindungi nyawa orang ramai.

Mahmood Razak berkata ini kerana bengkel yang menawarkan perkhidmatan sedemikian perlu sedar bahawa mereka mempertaruhkan nyawa demi keuntungan.

"Oleh itu, kami menyeru agar mereka menghentikan aktiviti tidak bertanggungjawab ini dengan segera," katanya.

Selain menegaskan pihaknya bersedia bekerjasama dengan JPJ dan KPDN bagi memastikan integriti lebih terjamin dan masalah berkenaan dapat diatasi semula, Mahmood Razak menegaskan Puspakom tidak sekali akan berkompromi dalam isu pematuhan prosedur operasi standard (SOP).



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 2 JANUARI 2025 | | | |
|--|--|---|---------------|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 2-Jan | Penyeludup Tumpas: Polis Marin Tawau Rampas Barang Kawalan | https://sabahmedia.com/2025/01/01/penyeludup-tumpas-polis-marin-tawau-rampas-barang-kawalan/ | SABAH MEDIA |
| 2-Jan | Lelaki ditahan cuba seludup 35 tong LPG ke negara jiran | https://www.sinarharian.com.my/article/704957/berita/semasa/lelaki-ditahan-cuba-seludup-35-tong-lpg-ke-negara-jiran#google_vignette | SINAR HARIAN |
| 2-Jan | Cubaan warga Pakistan masuk Kelantan menerusi Sungai Golok gagal | https://www.buletintv3.my/nasional/cubaan-warga-pakistan-masuk-kelantan-menerusi-sungai-golok-gagal/#google_vignette | BULETIN TV3 |
| 2-Jan | Lelaki Pakistan ditahan ketika menyeberang Sungai Golok | https://www.malay.news/lelaki-pakistan-ditahan-ketika-menyeberang-sungai-golok/ | MALAY.NEWS |
| 2-Jan | PATI gagal masuk Kelantan menerusi Sungai Golok | https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1343401/pati-gagal-masuk-kelantan-menerusi-sungai-golok | BERITA HARIAN |
| 2-Jan | Lelaki Pakistan ditahan ketika menyeberang Sungai Golok | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1171645/lelaki-pakistan-ditahan-ketika-menyeberang-sungai-golok | HARIAN METRO |

| | | | |
|-------|---|---|-------------------|
| 2-Jan | Lelaki Pakistan ditahan ketika menyeberang Sungai Golok | https://themalaytribune.com/lelaki-pakistan-ditahan-ketika-menyeberang-sungai-golok/ | THE MALAY TRIBUNE |
| 2-Jan | Siasat, hapuskan bengkel sewa komponen kenderaan | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/siasat-hapuskan-bengkel-sewa-komponen-kenderaan/ | UTUSAN |